

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA MAJLIS PECAH TANAH TAPAK KILANG HONDA**  
**DI TAMAN PERINDUSTRIAN HICOM-PEGOH**  
**25 OGOS 2001**

-----

Terlebih dulu saya mengucapkan terima kasih kepada DRB-Oriental-Honda dan DRB-Hicom Berhad kerana sudi menjemput saya untuk menyempurnakan majlis pecah tanah tapak kilang pengeluaran kereta Honda di Taman Perindustrian Hicom-Pegoh pada pagi ini.

2. Terima kasih diucapkan kepada Honda yang telah menaruh kepercayaan dan komitmen yang berterusan kepada rakyat Malaysia dan menjadi rakan niaga Malaysia yang sebegini besar, membabitkan pelaburan sebanyak RM170 juta.

3. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Honda adalah di antara pengeluar kereta terbesar dunia pada hari ini. Sudah tentulah keyakinan syarikat ini untuk membuat pelaburan yang sebegini besar mencerminkan keyakinan syarikat antarabangsa terhadap kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi Malaysia di bawah pemerintahan kerajaan Barisan Nasional.

4. Keyakinan yang ditunjukkan oleh Honda ini akan menjadi daya penarik kepada syarikat antarabangsa yang lain untuk terus membuat pelaburan mereka di Malaysia. Statistik yang ada setakat ini mencerminkan rekod cemerlang kita sebagai destinasi pelaburan antarabangsa.

5. Dalam hal ini, Malaysia akan terus menawarkan pakej paling berdaya saing kepada mana-mana syarikat antarabangsa untuk terus melabur di negara ini. Kita akan terus menawarkan kestabilan politik, pertumbuhan mapan, tenaga kerja mahir dan bermotivasi tinggi, kos pengeluaran yang kompetitif dan pasaran tempatan yang memiliki kuasa beli yang tinggi. Memang tidak dapat dinafikan bahawa faktor-faktor ini telah mendorong pelbagai syarikat automotif antarabangsa ingin merebut peluang pasaran kenderaan di Malaysia.

6. Kedudukan negara yang ulung dalam pasaran kenderaan serantau tidak dapat dinafikan. Berdasarkan perangkaan terkini, Malaysia kekal sebagai pasaran kenderaan terbesar di Asia Tenggara, dengan mencatatkan penjualan 182,222 unit kenderaan bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini. Berdasarkan perbandingan semasa, jumlah ini jauh lebih tinggi berbanding negara jiran lain, seperti Indonesia yang mencatatkan jualan kenderaan sebanyak 148,491 unit dan Thailand dengan penjualan 140,018 unit dalam tempoh yang sama.

7. Jumlah kenderaan penumpang yang dijual di Malaysia meningkat 12 peratus bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini. Sebanyak 150,557 kenderaan penumpang dijual di antara Januari hingga Jun berbanding 134,078 kenderaan pada tempoh yang sama tahun lalu.

8. Saya yakin, dengan kedudukan negara sebagai pasaran kenderaan nombor satu Asia Tenggara, lebih ramai pengeluar kenderaan global akan menjadikan Malaysia sebagai pangkalan utamanya di rantau ini.

9. Saya difahamkan bahawa kilang Honda yang terbaru di Malaysia ini, bakal menjadi kilang pengeluaran kenderaannya yang ke-18 di dunia, dan saya yakin ia akan menjadi daya penggerak industri kenderaan, baik di negeri Melaka secara khususnya, atau di negara ini secara amnya.

10. Dengan kewujudan kilang ini, sudah tentunya rakyat tempatan akan menikmati pelbagai faedah, baik menerusi pembekalan peralatan ganti untuk pasaran kenderaan tempatan, mahu pun selaku kemudahan sokongan alat ganti dan komponen bagi rantau ini.

11. Saya juga dimaklumkan bahawa kilang ini akan menggunakan teknologi 'state-of-the-art' Honda untuk memastikan sistem pengeluaran fleksibel yang boleh disesuaikan dengan keperluan masa depan.

12. Menyentuh penggunaan teknologi ini, saya sekali lagi ingin mengulangi pendirian kerajaan, yang mahu melihat pemindahan teknologi industri yang lebih bermakna daripada syarikat-syarikat asing yang melabur di Malaysia. Jangan jadikan rantau ini sebagai hanya pusat pemasangan kenderaan semata-mata. Syarikat-syarikat antarabangsa perlu melihat firma tempatan sebagai rakan kongsi yang boleh menyumbang kepada perolehannya dalam tempoh jangka panjang.

13. Rantau Asia Tenggara yang dianggotai oleh 10 negara anggota Asean diakui sebagai salah satu pasaran auto paling berpotensi di dunia. Rantau ini memiliki potensi pasaran sebanyak 500 juta pembeli serta purata pendaftaran kenderaan baru setahun. Jika kita mengambil kira 1.5 juta kenderaan didaftarkan setiap tahun, dengan kos seunit sekitar RM20,000, rantau ini saja mewakili pasaran yang bernilai RM30 bilion setahun. Ini belum lagi mengambil kira faedah susulan yang boleh dinikmati daripada industri kenderaan di negara-negara berkenaan.

14. Hakikat ini akan menjadi lebih ketara dengan terlaksananya kawasan perdagangan bebas ASEAN atau AFTA pada tahun 2003 nanti. Dua tahun kemudian, iaitu pada tahun 2005, konsep perdagangan bebas ini juga akan dilaksanakan dalam sektor automotif. Walaupun AFTA sudah menetapkan bahawa tarif yang rendah ini hanya membabitkan sekurang-kurangnya 40 peratus pengeluaran asal daripada negara anggota, saya ingin mengingatkan syarikat tempatan seperti Proton supaya tidak berasa terlalu selesa dan berpeluk tubuh dalam menghadapi cabaran besar yang bakal ditempuhi hadapi oleh mereka.

15. Cabaran ini bukan sahaja datang daripada kedudukan sebagai 'kelebihan sebagai pendahulu pasaran' atau first mover advantage yang dimiliki oleh syarikat gergasi antarabangsa, tetapi juga 'padang permainan' atau level of playing field industri auto global yang tidak sama rata.

16. Cabaran ini sebenarnya sudah menjadi satu realiti kepada kita semua. Hari ini, syarikat gergasi auto seperti General Motors, Toyota, Mercedes Benz dan BMW sudah pun menempatkan kilang-kilang mereka di Negeri Thai sehingga kalangan media sudah pun melabelkan Negeri Thai sebagai 'Detroit of Asia'. Selain itu, China juga dijangka dalam sedikit masa lagi akan menjadi 'Detroit of Asia' kedua. Perkara ini bukanlah sesuatu yang mustahil berlaku kerana China sudah pun memasukkan sektor auto sebagai salah satu sektor penting di dalam Penjanjian Perdagangan dengan Amerika Syarikat.

17. Saya yakin peluang dan cabaran yang saya nyatakan di atas sudah pun disedari dan diambilkira oleh PROTON dalam usaha berterusan syarikat untuk meningkatkan daya saing antarabangsa. Dan saya yakin bahawa peluang dan cabaran tersebut merupakan di antara faktor penting yang membawa kepada usahasama berasaskan konsep perkongsian bestari di antara Proton dan Honda pada hari ini. Seperti yang kita semua ketahui, teknologi Honda dikenali di seluruh dunia dan justeru itu, rakyat Malaysia seharusnya mengambil kesempatan untuk belajar dan memiliki kepakaran dan kemahiran yang paling maksimum hasil dari proses pemindahan teknologi.

18. Dalam pasaran global hari ini, semua pengeluar mempunyai peluang yang sama untuk terus bersaing secara kompetitif untuk meningkatkan penguasaan pasaran.

19. Seperti yang dinyatakan oleh Tan Sri Saleh tadi, kilang ini akan memerlukan di antara 400 hingga 500 orang menjelang 2003 dan secara tidak langsung ini akan membantu rakyat Melaka untuk terus kekal tinggal di negeri itu dan tidaklah perlu berpindah ke bandar lain untuk mencari pekerjaan.

20. Dengan ini saya menyeru rakyat negeri Melaka supaya turut memberikan sokongan dan gunakan peluang yang terbuka ini untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pengeluaran automotif yang diamalkan Honda sehingga meletakkan produknya di satu tahap yang tinggi di mata dunia.

21. Saya berharap amalan Honda yang mengamalkan falsafah pengurusan terbuka akan memberi peluang kepada rakyat Malaysia untuk maju dan membangunkan diri di samping menjadi sebahagian daripada organisasi Honda di seluruh dunia.

22. Sebagai sebuah konglomerat, DRB-Hicom telah membuktikan kemampuannya untuk terus berkembang dengan sihat, hingga muncul memainkan peranan utama dalam memajukan industri kenderaan, walaupun di ketika banyak syarikat yang tumbang dan goyah.

23. Dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya merasmikan majlis pecah tanah tapak kilang pengeluaran Honda.

Terima kasih.